



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

BERSAMA MEMELIHARA KESELAMATAN NEGARA

Tarikh Dibaca:

**20 MUHARRAM 1446H /
26 JULAI 2024**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذَا قِيلَ لَهُمْ كُنْزُوا أَمْوَالَكُمْ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BERSAMA MEMELIHARA KESELAMATAN NEGARA

26 JULAI 2024 / 20 MUHARRAM 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ

ذَٰلِكُمْ وَصَّاكُم بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ (سورة الأنعام)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Berikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan janganlah melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual dan bermain telefon bimbit. Mudah-mudahan khutbah ini akan memberi banyak pengajaran kepada kita semua.

Pada hari ini saya akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**Bersama Memelihara Keselamatan Negara**”.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Dunia yang kita huni ini tidak sunyi dari bermacam bentuk konflik dan ancaman yang melumatkan keamanan dan keselamatan. Pelbagai bentuk kerosakan telah berlaku sama ada pada diri sendiri, masyarakat, alam sekitar dan negara seluruhnya hasil dari tangan-tangan manusia itu sendiri. Sebilangan manusia ghairah bertuhankan nafsu hingga sanggup menyakitkan pihak lain demi mencapai kepentingan individu atau kumpulan. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Rum ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ
يَرْجِعُونَ^{٤١}

Maksudnya: “Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)”.

Begitu juga dengan isu kemanusiaan terutamanya seperti yang berlaku di Palestin ketika ini. Sehingga kini ia mencatatkan angka korban melebihi 38,000 orang yang tidak berdosa terutamanya dari kalangan kanak-kanak, kaum wanita dan orang awam. Zionis Israel sengaja mencipta pelbagai alasan demi menghalalkan tindakan mereka melakukan genosid terhadap penduduk Palestin. Kondisi di Palestin ini cukup merobek hati nurani kita yang melihatnya. Tidak ada kata-kata lagi yang mampu menerangkan kesengsaraan yang mereka alami sepanjang berada di bawah cengkaman rejim zionis Israel *laknatullahi ‘alaihim*. Mereka hilang hak manusiawi untuk hidup aman dan damai. Keselamatan mereka dicabul. Kemakmuran hidup dirampas. Bahkan kedaulatan negara mereka turut dicabuli sedang dunia semakin lama semakin senyap membicarakan penderitaan dan kesengsaraan mereka. Hanya doa kepada Allah SWT yang mampu kita panjatkan demi membela umat Islam di Palestin yang dizalimi. Ingatlah bahawa doa orang yang dizalimi itu sangat dekat dan tidak ada hijab dengan Allah SWT sebagaimana disebut dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW berpesan kepada Mu’adz bin Jabal *radhiallahu ‘anhu* ketika mengutuskannya ke Yaman:

اتَّقِ دَعْوَةَ الْمَظْلُومِ، فَإِنَّهَا لَيْسَ بَيْنَهَا وَبَيْنَ اللَّهِ حِجَابٌ

Maksudnya: “Berhati-hatilah kamu terhadap doa orang-orang yang dizalimi, kerana antara doanya dan Allah tiada hijab (penghalang)”. (Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Menginsafi kesengsaraan saudara kita di Palestin ini, marilah kita bersungguh-sungguh menjaga keselamatan negara dan berusaha bersama-sama melestarikan kemakmuran yang sedang kita kecapai ini. Sebenarnya masih terdapat pelbagai bentuk ancaman lain yang juga boleh merobek keselamatan negara jika tidak ditangani secara bersama.

Ancaman seperti pengedaran dan penyalahgunaan dadah, pendatang asing tanpa izin, jenayah terancang merentasi sempadan, jenayah siber, keldai akaun, pencemaran alam sekitar, kemiskinan, pemerdagangan manusia, penculikan, pembunuhan yang semakin menjadi-jadi, keruntuhan moral, ajaran sesat dan sebagainya dianggap mampu mencetuskan konflik dan mengancam keselamatan negara.

Keselamatan negara masih bersifat kenegaraan demi memastikan kelangsungan hidup masyarakat di negara ini terjamin. Sejarah Islam telah mencatatkan bahawa Nabi Ibrahim ‘*alaihissalam* pernah memunajatkan doanya kepada Allah SWT agar bumi Makkah dikurniakan dengan keamanan dan kemakmuran. Peristiwa ini telah berlaku ketika pembukaan Kota Makkah sebagai pusat ibadah dan tanah suci sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 126:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ اجْعَلْ هَذَا بَلَدًا آمِنًا وَارْزُقْ أَهْلَهُ مِنَ الثَّمَرَاتِ مَنْ آمَنَ مِنْهُمْ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۖ قَالَ وَمَنْ كَفَرَ فَأُمَتِّعُهُ قَلِيلًا ثُمَّ أَضْطَرُّهُ إِلَىٰ عَذَابِ النَّارِ ۖ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ۝١٢٦

Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Makkah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari pelbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat antara mereka". Allah berfirman:" (Permohonanmu itu diterima) tetapi sesiapa yang kufur dan ingkar maka Aku akan beri juga dia bersenang-

senang menikmati rezeki itu bagi sementara (di dunia), kemudian Aku memaksanya (dengan menyeretnya) ke azab neraka, dan (itulah) seburuk-buruk tempat kembali”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Hakikatnya, negara kita juga tidak terlepas dengan pelbagai isu keselamatan dan ancaman. Lebih-lebih lagi, Malaysia, sebuah negara yang mempunyai ekosistem kehidupan unik dengan kepelbagaian masyarakat berbilang kaum, kedudukan geografi yang strategik di Asia Tenggara dan kepesatan kemajuan teknologi maklumat berpotensi membuka pelbagai jenis ancaman sama ada dari luar mahupun dari dalam.

Justeru, dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap tanggungjawab memelihara keselamatan dan keamanan negara, ada beberapa inisiatif yang perlu diberi perhatian, antaranya;

1. Menghayati rukun negara dengan mematuhi undang-undang. Jadilah umat yang taat kepada Allah dengan bersama-sama menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Hargai masa dan ruang yang ada untuk melakukan aktiviti yang berfaedah dan tinggalkan aktiviti yang sia-sia.
2. Membina rasa saling mencintai sesama masyarakat tanpa mengira kaum dan warna kulit sehingga tercipta suasana kerukunan dan persaudaraan yang kukuh dalam menghadapi pelbagai situasi yang berbeza-beza.
3. Menerapkan sifat bersungguh-sungguh melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab demi kehidupan yang berfaedah untuk negara, di samping meningkatkan sifat integriti.
4. Menanamkan sifat menghargai negara dan mensyukuri nikmat anugerah kemakmuran yang dimiliki serta mengekalkan segala kemudahan yang disediakan sehingga semua rakyat dapat menikmatinya.
5. Menangani setiap masalah yang melanggar keamanan dan keselamatan negara dengan cara-cara yang dibenarkan syariat serta undang-undang negara. Berhati-hati dalam setiap perkongsian di alam maya supaya tidak mendatangkan implikasi negatif kepada diri, keluarga dan negara.

6. Mempertahankan negara dalam apa juga situasi melalui pertuturan dan tindakan yang bijaksana. Selain itu juga, kita hendaklah sentiasa mendoakan kesejahteraan dan keselamatan seluruh rakyat sama ada di dalam mahupun di luar negara termasuk juga kontinjen negara yang akan berjuang membawa nama Malaysia dalam pentas Olimpik 2024.

Perlu diingat bahawa, suasana aman, selamat dan makmur yang dinikmati seluruh masyarakat ketika ini, sebahagiannya datang dari usaha perjuangan dan pengorbanan semua Agensi Keselamatan dan Pihak Berkuasa Awam yang terlibat. Dalam masa yang sama juga, usaha pihak berkuasa ini tidak akan berjaya sekiranya tidak ada penglibatan dan kerjasama dari masyarakat awam seluruhnya. Maka marilah bersama-sama kita berusaha memelihara keselamatan negara yang kita ada ini dengan sebaiknya.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, saya ingin membuat beberapa kesimpulan;

Pertama: Timbulnya pelbagai bentuk kerosakan di muka bumi berpunca dari tangan-tangan manusia itu sendiri.

Kedua: Negara kita juga tidak terlepas dari pelbagai bentuk ancaman. Maka menjadi tanggungjawab setiap anggota masyarakat untuk sama-sama menjaga keselamatan dan ketenteraman negara.

Ketiga: Usaha setiap pihak memberi kesan kepada keselamatan dan keamanan negara. Dalam masa yang sama juga, perlunya ada usaha amar makruf dan nahi munkar serta menjauhkan diri dari segala bentuk kemaksiatan dan kemungkaran yang boleh mengundang kebinasaan terhadap diri, masyarakat dan negara seluruhnya.

Renungkanlah Firman Allah SWT dalam Surah al-A'raf ayat 97 - 98:

أَفَأَمِنَ أَهْلُ الْقُرَىٰ أَنْ يَأْتِيَهُمْ بَأْسُنَا بَيَاتًا وَهُمْ نَائِمُونَ ۚ وَأَمِنَ أَهْلُ الْقُرَىٰ أَنْ يَأْتِيَهُمْ بَأْسُنَا
ضُحًى وَهُمْ يَلْعَبُونَ ۚ

Maksudnya: *"Patutkah penduduk negeri itu (bersedap hati) serta berasa aman daripada kedatangan azab Kami kepada mereka pada malam hari, semasa mereka sedang tidur? Atau patutkah penduduk negeri itu (bersedap hati) serta berasa aman daripada*

kedatangan azab Kami kepada mereka pada siang hari, semasa mereka sedang leka bermain-main?”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
 وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ
 بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى
 النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٦٦
 اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
 سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.
 وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
 اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
 اَللّٰهُمَّ اَيَّدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَهٖ مَلِكُنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا
 مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ د-فَرْتَوَانْ اَكُوغْ سُلْطَانْ إِبْرَاهِيمَ.
 وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاغْ فَرْمَالِيسُورِي اَكُوغْ، رَاغْ
 زَارِيْثْ صُوفِيَاهُ.
 اَللّٰهُمَّ اَحْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
 يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
 اَللّٰهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعِفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرِ الْمُسْلِمِينَ الْمُسْتَضْعِفِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ. اللَّهُمَّ أَرْحَمْ الْمُسْتَضْعِفِينَ مِنْ عِبَادِكَ.
اللَّهُمَّ اكْشِفِ الْغَمَّةَ عَنْ أُمَّتِنَا. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ تَرْفَعَ الْبَلَاءَ عَنْ غُرَّةٍ وَأَهْلِهَا، وَأَنْ
تَنْصِرَهُمْ عَلَى عَدُوِّهِمْ، وَأَنْ تَرْحَمَ الْمُسْتَضْعِفِينَ مِنْ عِبَادِكَ، وَأَنْ تَكْشِفَ الْغَمَّةَ عَنْ
أُمَّتِنَا. اللَّهُمَّ عَافِنَا وَالطُّفَّ بِنَا وَاحْفَظْنَا وَأَنْصِرْنَا وَفَرِّجْ عَنَّا وَالْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ اكْفِنَا
وَأَيَّاهُمْ جَمِيعًا شَرَّ مَصَائِبِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْحَنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.